

LAMPIRAN A

PERATURAN-PERATURAN MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)

PAKAIAN RASMI GRADUAN LELAKI

- a) **BERAMBUT PENDEK**
 - b) Bersongkok berwarna hitam (kosong) bagi graduan **Muslim** peringkat sijil sahaja.
 - c) Kemeja putih sahaja.
 - d) Seluar slack berwarna hitam/gelap (Seluar jeans tidak dibenarkan)
 - e) Kasut kulit berwarna hitam.
 - f) Bertali leher Jabatan (JTM) (sekiranya tiada, boleh dibeli semasa pendaftaran).
 - g) Sila bawa pen berdakwat hitam.
-

PAKAIAN RASMI GRADUAN WANITA

- a) Baju kurung / Kebaya (Berseluar panjang/ berskirt pendek tidak dibenarkan)
 - b) Bertudung tanpa corak / tudung kosong - (Bagi graduan beragama islam)
 - c) Kasut wanita (bertutup) - (Selipar/ sandal tidak dibenarkan)
 - d) Pakaian yang bersesuaian (tidak terlalu mendedahkan) bagi graduan bukan muslim.
 - e) Sila bawa pen berdakwat hitam.
-

Perkara yang dilarang :-

- a. Kasut sukan
- b. Berambut panjang (bagi graduan lelaki)
- c. Rambut diwarnakan / fesyen rambut tidak sesuai (graduan lelaki/wanita)
- d. Pakaian yang ketat, jarang dan mendedahkan (bagi graduan wanita)
- e. Penggunaan telefon bimbit dan kamera di dalam dewan konvokesyen
- f. Membawa kanak-kanak di bawah umur 12 tahun masuk ke dewan

Kegagalan mematuhi peraturan pakaian dan rupadiri yang ditetapkan ini akan menyebabkan graduan **TIDAK DIBENARKAN** menyertai Majlis Konvokesyen.

MAKLUMAT UMUM KEPADA PARA GRADUAN

Bersama ini juga disertakan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua para graduan, ibu bapa/penjaga dan para tetamu semasa menghadiri majlis konvokesyen. Graduan yang tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan ini **TIDAK AKAN DIBENARKAN** menyertai Majlis Konvokesyen.

1. PERTUKARAN LOKASI & SIDANG MAJLIS KONVOKESYEN

- 1.1. Graduan TIDAK dibenarkan sama sekali untuk membuat pertukaran lokasi majlis konvokesyen dan lokasi majlis adalah MUKTAMAD. Sebarang rayuan pertukaran lokasi majlis konvokesyen adalah tidak akan dilayan.
- 1.2. Jabatan berhak untuk TIDAK MEMBENARKAN graduan untuk hadir ke majlis konvokesyen sekiranya graduan gagal untuk memberikan alasan dan bukti yang kukuh.

2. BAYARAN KEPERLUAN GRADUAN BAGI MAJLIS KONVOKESYEN

- 2.1. Untuk makluman saudara/i, Jabatan tidak menyediakan Jubah dan Mortaboard bagi keperluan majlis konvokesyen ini. Walaubagaimanapun, Jabatan telah melantik syarikat yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan sewaan semua keperluan bagi tujuan majlis konvokesyen ini.
- 2.2. Pihak jabatan turut menyediakan perkhidmatan mengambil gambar graduan di dalam dewan semasa majlis konvokesyen berlangsung. Oleh yang demikian, saudara/i, ibu bapa/penjaga dan para tetamu tidak dibenarkan mengambil gambar semasa majlis sedang berlangsung. Gambar tersebut akan dihantar kepada saudara/i melalui perkhidmatan pos mengikut alamat masing-masing.
- 2.3. Graduan yang ingin hadir ke majlis tersebut perlu membuat pembayaran penyertaan konvokesyen berjumlah **RM 150.00** sebelum tarikh akhir pembayaran. Bayaran ini adalah merangkumi sewaan jubah, pembelian *Scroll*, cenderahati dan gambar konvokesyen. Sila semak kaedah pembayaran penyertaan konvokesyen dalam surat jemputan konvokesyen saudara/i.
- 2.4. Adalah dimaklumkan bahawa '*Mortarboard*' hanya untuk **graduan diploma** dan boleh diambil di kaunter jubah. *Mortarboard* tersebut juga hendaklah dipulangkan selepas majlis konvokesyen selesai di kaunter pemulangan jubah yang disediakan.

3. PERATURAN DAN ETIKA BERPAKAIAN UNTUK MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)

3.1. Kegagalan graduan mematuhi peraturan etika berpakaian yang ditetapkan ini boleh menyebabkan graduan **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai majlis konvokesyen.

3.2. Berikut adalah etika yang perlu dipatuhi semasa menghadiri Majlis Konvokesyen

A. PAKAIAN RASMI GRADUAN LELAKI

- i. Graduan dimestikan memakai kemeja lengan panjang warna putih berserta tali leher JTM (sekiranya tiada, boleh dibeli semasa sesi pendaftaran).
- ii. Seluar *slack* berwarna hitam / gelap
- iii. **Bersongkok** berwarna hitam (kosong) bagi graduan muslim **peringkat sijil sahaja**.
- iv. Memakai kasut hitam serta stokin yang bersih dan bersesuaian untuk majlis rasmi.
- v. Jubah dan *Mortarboard* (bagi graduan diploma) disediakan oleh pihak JTM.
- vi. Sila bawa pen berdakwat hitam.

Graduan lelaki **TIDAK** dibenarkan:

- Memakai tali bow (*Bow Tie*).
- Memakai kemeja kasual / berlengan pendek/ baju batik / t-shirt
- Seluar *Jeans* / *Slack* Berwarna Cerah
- Memakai subang telinga dan gelang tangan
- Mewarnakan rambut / fesyen rambut tidak sesuai
- Berambut panjang (memcecah kolar baju)
- Memakai *sandal* atau kasut sukan

		
Graduan Sijil Muslim	Graduan Diploma Muslim/ Non Muslim	Graduan Sijil Non Muslim

B. PAKAIAN RASMI GRADUAN WANITA

- i. Baju kurung / kurung moden / kebaya labuh / sari / kemeja berlengan panjang dan skirt labuh (kadar labuh ialah sehingga ke bahagian buku lali) **WARNA BEBAS** dan tidak berbelah di kiri kanan atau depan dan belakang.
- ii. Bertudung tanpa corak / tudung kosong dan **WARNA BEBAS** - (Bagi graduan beragama islam)
- iii. Graduan wanita dikehendaki memakai kasut bertutup penuh yang bersesuaian, menutupi dari bahagian hadapan kaki hingga ke tumit kaki (*cover shoes*).
- iv. Jubah dan *Mortarboard* (bagi graduan diploma) disediakan oleh pihak JTM.
- v. Sila bawa pen berdakwat hitam.

Graduan perempuan **TIDAK** dibenarkan:

- Memakai pakaian yang tidak berlengan
- Memakai pakaian yang ketat, jarang (nipis) dan mendedahkan
- Seluar Jeans / pakaian berbentuk seluar adalah tidak dibenarkan
- Mewarnakan rambut / fesyen rambut tidak sesuai
- Memakai kasut sukan, selipar ataupun sandal



****Peringatan :**

- i. Bagi menghormati majlis, para graduan **TIDAK DIBENARKAN KELUAR** dari dewan konvokesyen semasa majlis sedang berlangsung.
- ii. Telefon bimbit hendaklah berada dalam mod senyap (*Silent Mode*) ketika berada dalam dewan konvokesyen.
- iii. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan mamasuki ke dewan majlis tersebut.
- iv. Kegagalan graduan mematuhi peraturan etika berpakaian yang ditetapkan ini boleh menyebabkan graduan **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai majlis konvokesyen.